

# Jual tupai jam 1 pagi

**SHAH ALAM:** Sifat mudah simpati terhadap haiwan mendorong Halipa Suhaimah Abidin, 31, membuka perniagaan menjual haiwan peliharaan di Uptown Shah Alam di Seksyen 24, di sini.

Daripada pelbagai jenis kucing, ikan, sugar glider, prairie dog (spesies tupai tanah) hingga kepada variable squirrel (spesies tupai biasa dan albino) dijual di gerainya.

Meskipun baru tiga tahun memulakan perniagaan itu, sambutan diterima amat memberangsangkan. Ternyata, percaturannya membuka kedai haiwan peliharaan diberi nama Planet Aqua and Pets menghasilkan pulangan lumayan.

"Pada awalnya saya menjalankan perniagaan menjual pokok bunga dan memiliki pusat semaian sendiri. Bagaimanapun, ada permintaan pe-



**HALIPA...tukar bisnes**

langgan yang mahu saya menjual haiwan peliharaan berikutan ibu penternak arnab.

"Sejak itu, saya menutup perniagaan tapak semaian pokok bunga dan beralih kepada menjual haiwan peliharaan kerana permintaan terhadap haiwan peliharaan lebih tinggi dan menguntungkan," katanya ketika ditemui di gerainya, baru-baru ini.

Berdasarkan pemerhatian, pelanggan datang silih ber-

ganti ke gerainya. Meskipun memasuki jam 1 pagi, premis itu masih dikunjungi orang ramai.

Bukan setakat orang dewasa, malah gelagat haiwan seperti hamster yang bermain dalam sangkar turut menggamit hati pengunjung yang mempunyai anak kecil.

Selain haiwan peliharaan, Halipa menjual keperluan lengkap seperti sangkar, makanan, sabun, shampoo, aksesori dan vitamin. Dengan sewa RM2,100 sebulan yang merangkumi dua tapak gerai, Halipa satu-satunya peniaga di Uptown Shah Alam yang menjual haiwan peliharaan.

"Alhamdulillah, pada hari biasa gerai ini turut mendapat sambutan daripada pencinta haiwan. Ada juga yang datang semata-mata mendapatkan keperluan haiwan peliharaan mereka se-



**LARIS...pekerja Planet Aqua and Pets, Mohd Syafiq Sabarudin menunjukkan sugar glider.**

perti makanan.

"Kebanyakan haiwan diimport dari Australia dan Indonesia. Walau penat, namun hati terhibur melihat gelagat haiwan yang mencuit hati," katanya.

Ditanya bagaimana dia menjaga haiwan yang dijual supaya kelihatan bersih dan

sihat, Halipa berkata, pekerjaanya memandikan haiwan berkenaan empat kali seminggu selain membersihkan sangkar setiap hari.

**>> ESOK: Nikmat beli-belah larut malam**